

MASALAH DAN MASADEPAN JOSAL MUSIC SDN. BHD.

oleh

MOHAMAD AZMI IBRAHIM

SHAMSHUDDIN ABU SAMAH

SIDNEY CHONG

TERRENCE MANJAJI

JEFFREY GERARD

KERTAS PROJEK YANG DISERAHKAN KEPADA
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
UNTUK DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

1983

PENGHARGAAN

Penyudahan kajian ini adalah bergantung kepada pertolongan-pertolongan serta kerjasama yang telah diberikan oleh pihak-pihak tertentu. Dengan ini kami mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penasihat kami Puan Fakhariah Datuk Haji Lokman dari Kajian Senireka dan Senilukis ITM, di atas bimbingan, nasihat, galakan serta kritik-kritik yang mana telah banyak menolong kami untuk menyudahkan kajian ini. Rakaman terima kasih juga diberi kepada kedua Co-Examiner kami iaitu Encik Wan Hanafi, Penolong Pegawai Kebudayaan dari Pusat Pelajar dan Puan Maizon Omar dari Kajian Perniagaan dan Pengurusan ITM.

Di samping itu, kami dengan bangganya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Josal Music Sdn Bhd, terutamanya Encik Johari Salleh, Dareen Chong, Josephine Cho, artis-artis Josal serta kakitangannya yang lain, yang telah banyak memberi maklumat, pertolongan serta pandangan yang amat bernas dan berguna bagi menjayakan lagi kajian ini.

Tidak lupa juga kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak-pihak tertentu serta orang-orang perseorangan seperti:-

PUAN NARU AINI

Ketua Kursus

Kajian Perniagaan dan Pengurusan

PENGHARAAN -----	i
KANDUNGAN -----	iv
SENARAI JADUAL -----	vii

BAB 1

1. PENGENALAN

1.1 JOSAL MUSIC SDN. BHD. -----	1
1.1.1. LATAR BELAKANG JOSAL MUSIC -----	3
1.1.2. KAKITANGAN -----	4
1.1.3. PENYANYI-PENYANYI -----	5
1.1.4. ALBUM-ALBUM -----	5
1.1.5. ALAMAT -----	6
1.1.6. LOGO -----	6
1.2. OBJEKTIF-OBJEKTIF JOSAL MUSIC -----	7
1.3. PERBANDINGAN HARGA ALBUM ASLI DAN TIRUAN	
JOSAL MUSIC -----	8
1.4. TUJUAN KAJISELIDIK -----	9
1.5. HYPOTHESIS -----	10

BAB 2

2. KEPUSTAKAAN

2.1 PERKEMBANGAN MUZIK DI MALAYSIA -----	11
2.2 PENERIMAAN MUZIK OLEH MASYARAKAT -----	14
2.3 1982 - TAHUN KEMEROSOTAN INDUSTRI MUZIK	
DI MALAYSIA -----	16
2.4 KEGIATAN CETAK-ROMPAK DI MALAYSIA -----	18
2.5 ANALISA TENTANG AKTA HAKCIPTA MALAYSIA 1969 -----	21
2.6 AHLI-AHLI MUZIK DI MALAYSIA -----	23
2.7 ARTIS-ARTIS MALAYSIA -----	25

1. PENGENALAN

Di Malaysia terdapat lebih kurang 20 syarikat-syarikat yang mengusahakan pengeluaran rekod.^{*} Di antara syarikat-syarikat tersebut ialah EMI, WEA, LIFE, POLYGRAM, CBS, WARNADA, TITRA, GUNTUR, JOSAL MUSIC, OMRY dan MRC.

Di sepanjang tahun 1983 saja, syarikat-syarikat di atas telah berjaya mengeluarkan 20 buah album.¹

Syarikat-syarikat yang diusahakan oleh Bumiputra ialah JOSAL MUSIC, OMRY, MRC dan AB RECORDS.

Untuk mengatasi masalah-masalah seperti cetak-rompak, untuk mengawal mutu dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan industri rekod, kebanyakan syarikat-syarikat ini menganggotai Persatuan Phonogram dan Videogram Malaysia (MAPV). Persatuan ini berkerjasama dengan pihak polis dan kastam dalam menjalankan operasi mengesan dan membenteras pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam mengedar dan mengeluarkan rekod-rekod yang dicetak-rompak.²

Industri rekod di Malaysia dikawal oleh Malaysian Copyright Act 1969. Selain dari industri muzik dan copyright, akta ini juga mengawal bidang penulisan seperti novel, cerita-cerita, sajak, pertunjukan pentas dan lain-lain bidang seni seperti

* Sila lihat Lampiran I

1.1 JOSAL MUSIC SDN BHD

1.1.2 Latarbelakang secara ringkas

JOSAL MUSIC SDN BHD telah ditubuhkan pada 20 Julai 1982 oleh Johari Salleh dan dibantu oleh seorang rakan kongsi dari Kuching, Sarawak dengan modal sebanyak \$250,000.00. Sebelum menceburkan diri ke dalam bidang perniagaan, En Johari adalah Pengarah Muzik di RTM (Radio dan Televisyen Malaysia).

Syarikat ini adalah dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera dan sehingga kini telah berjaya mengeluarkan sebanyak 5 buah rekod untuk pasaran, manakala 2 lagi rekod masih dalam proses rakaman.

JOSAL MUSIC adalah satu-satunya syarikat rakaman muzik yang mempunyai studio sendiri yang didirikan dengan belanja sebanyak \$300,000.00 dan dijangka siap pada penghujung bulan Disember 1983.

Selain daripada mengeluarkan rekod-rekod, syarikat ini juga bercadang untuk mengeluarkan bahan-bahan bercetak mengenai muzik.